

25/06/2002

MT Umno, BN bincang peletakan jawatan PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan tiga mesyuarat peringkat Umno dan Barisan Nasional (BN) di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) esok bagi membincangkan isu peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN.

Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno, akan bermesyuarat pada jam 2.30 petang, diikuti mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada jam 4 petang.

Timbalan Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman penting pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT Umno, sebelum mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada jam 6 petang. Sidang akhbar itu akan disiarkan secara langsung menerusi RTM dan TV3.

Mesyuarat itu diadakan bagi memaklumkan hasil pertemuan Jawatankuasa Pengurusan Umno diketuai Abdullah, dengan Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

Mesyuarat Kabinet pada Rabu juga akan dimaklumkan mengenai keputusan mesyuarat MT Umno dan Dewan Tertinggi BN untuk diperakukan.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat mengesahkan mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan diadakan pada jam 6 petang esok.

Beliau berkata, Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN, akan mempengerusikan mesyuarat itu.

Katanya, surat jemputan untuk menghadiri mesyuarat khas itu sudah dihantar dengan telegram kepada semua anggota parti komponen.

Sabtu lalu, Dr Mahathir menggemparkan seluruh negara apabila mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN dalam ucapan penggulungannya pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002.

Bagaimanapun, sejam selepas itu Abdullah mengumumkan bahawa Perdana Menteri bersetuju menarik balik hasratnya itu.

Dr Mahathir kini bercuti di Napoli, Itali bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan dijangka pulang ke tanah air 3 Julai ini.

(END)